



MAJLIS BANDARAYA IPOH

ARAHAH KEWANGAN BIL. 09/2018

Rujukan : Bil (21) dlm.MBI.B1/12/1/12 JLD.2

Jabatan Perbendaharaan
Majlis Bandaraya Ipoh

18 Mei 2018

Pengarah-Pengarah Kanan /
Semua Ketua Jabatan / Bahagian / Unit
Semua Pembantu Tadbir (Kanan)
Majlis Bandaraya Ipoh

PINDAAN KADAR CUKAI BARANG DAN PERKHIDMATAN (CBP) DARI 6% KEPADA 0% BERKUATKUASA PADA 1 JUN 2018

Dengan hormatnya saya memohon perhatian pihak tuan / puan kepada perkara di atas.

2. Berhubung dengan perkara ini, dimaklumkan pihak Kerajaan Persekutuan telah mengeluarkan perwartaan **Perintah Cukai Barang Dan Perkhidmatan (Kadar Cukai) (Pindaan) 2018 Warta Kerajaan Persekutuan P.U (A) 118** bertarikh 16 Mei 2018 berkaitan pindaan kadar CBP dari **6%** kepada **0%** berkuatkuasa pada **1 Jun 2018**. Oleh yang demikian, pindaan kadar tersebut akan dilaksanakan di peringkat Majlis Bandaraya Ipoh (MBI) dan **cut-off** bagi perlaksanaan adalah seperti berikut :-

TARIKH BERKUATKUASA	PEROLEHAN (Pembelian Terus / Lantikan Terus / Sebut Harga / Tender)	
	KERJA	BEKALAN DAN PERKHIDMATAN
SEBELUM 1 JUN 2018	1) Menggunakan TAX INVOICE berkadar CBP 6% bagi kontraktor / pembekal yang berdaftar dengan Jabatan Kastam Diraja Malaysia. 2) Bagi perolehan sebut harga / tender yang telah diiklankan dalam masa terdekat (bulan Mei dan April 2018), pihak jabatan hendaklah membuat penilaian tanpa mengambil kira amaun 6% CBP . Ini bermakna semua kontraktor / pembekal yang menyertai sebut harga / tender sama ada berdaftar atau tidak berdaftar dengan Jabatan Kastam Diraja Malaysia perlu dinilai tanpa mengambil kira amaun 6% CBP . Hal ini juga	

ARAHAN KEWANGAN BIL. 09/2018

SEBELUM 1 JUN 2018	<p>mengambilkira faktor penangguhan Mesyuarat Jawatankuasa Sebut harga / Tender sehingga hujung bulan Mei 2018.</p> <p>3) Sebarang tuntutan bayaran CBP yang berkadar 6% hanya diproses setakat 31 Mei 2018.</p>
PADA ATAU SELEPAS 1 JUN 2018	<p>1) Menggunakan TAX INVOICE berkadar CBP 0% bagi kontraktor / pembekal yang berdaftar dengan Jabatan Kastam Diraja Malaysia.</p> <p>2) Pihak jabatan hendaklah menetapkan kadar CBP 0% pada spesifikasi, anggaran jabatan dan senarai kuantiti sebut harga / tender.</p> <p>3) Sebarang tuntutan bayaran CBP hendaklah berkadar 0%.</p>

3. Selain itu, bagi proses pembayaran kontrak sebut harga / tender yang masih dalam tempoh kontrak adalah seperti berikut:-

3.1 Kontrak (Kerja / Bekalan / Perkhidmatan)

PERKARA	PROSES PEMBAYARAN
SEBELUM 1 JUN 2018	<ul style="list-style-type: none"> • Tuntutan pembayaran perlu dibuat sebelum 1 Jun 2018 dengan mengambilkira kadar CBP 6% supaya amaun CBP 6% dapat dibayar jika pihak kontraktor / pembekal berdaftar CBP dengan Jabatan Kastam Diraja Malaysia.
PADA ATAU SELEPAS 1 JUN 2018	<ul style="list-style-type: none"> • Tuntutan pembayaran akan mengambilkira kadar CBP 0%. • Namun demikian, sekiranya pihak kontraktor / pembekal dapat membuktikan mereka telah membuat pembayaran amaun CBP 6% untuk mendapatkan bekalan bahan mentah (pembelian bahan mentah telah dibuat awal iaitu sebelum 1 Jun 2018), maka pihak kontraktor / pembekal boleh membuat permohonan pertimbangan untuk dipanjangkan kepada Jabatan Kastam Diraja Malaysia.

ARAHAN KEWANGAN BIL. 09/2018

4. HASIL

4.1 Hasil-hasil seperti sewaan, perolehan dari jualan barang-barang dan terimaan perkhidmatan yang tertakluk kepada pindaan CBP 6% kepada 0% samada diserap atau dikenakan kepada pengguna di peringkat Majlis Bandaraya Ipoh. Sehubungan dengan itu Jabatan / Bahagian / Unit dipohon untuk mematuhi kepada proses kerja pengeluaran bil seperti berikut :-


TARIKH BERKUAT KUASA	PROSES PENGELOUARAN BIL
SEBELUM 1 JUN 2018	Invois Cukai bagi bil-bil yang tertakluk kepada CBP 6% sebelum 1 Jun 2018 masih perlu diambilkira kadar CBP 6%.
PADA ATAU SELEPAS 1 JUN 2018	Pada atau selepas 1 Jun 2018 Invois Cukai bagi bil-bil dicetak dan dikeluarkan pada kadar CBP 0% secara automatik.

5. Kerjasama, perhatian dan tindakan semua anggota bagi perkara ini adalah amat dihargai. Perlaksanaan Arahan Kewangan ini adalah berkuatkuasa serta merta.

Sekian, dimaklumkan, terima kasih.

“IPOH BERSIH, HIJAU DAN MAJU”

Saya yang menurut perintah,


(DATO' ZAMRI BIN MAN, DPMP., PMP., AMP., PJB.)
Datuk Bandar Ipoh.

“LESTARIKAN INOVASI, LUHURKAN INTEGRITI”